



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS	:	KEELEKTROMAGNETAN
KOD KURSUS	:	BBV 10102
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL (ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2015 / JULAI 2015
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA


KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Dengan menggunakan rajah yang bersesuaian, jelaskan kehilangan histeresis terhadap bahan bermagnet apabila diberikan daya gerak magnet. (10 markah)

- (b) Berdasarkan Rajah S1(b), satu gegelung 200 pusingan dililitkan dengan seragam kepada satu gelang kayu yang mempunyai min lilitan 600 mm dan luas keratan rentas seragam 500 mm^2 . Jika arus menerusi gegelung adalah 4 A , hitungkan:
- kekuatan medan magnet.
 - ketumpatan fluks.
 - jumlah fluks.

(10 markah)



RAJAH S1(b)

- S2** Satu litar magnet berbentuk gelang, diperbuat dari besi tuangan (*cast iron*) yang mempunyai ciri-ciri berikut:

Ketumpatan fluks B (T)	0.55	0.65	0.75	0.85
Ketelapan relatif	1900	1500	1100	700

Ukuran garispusat min (*mean diameter*) gelang ialah 159 mm dan luas keratan rentasnya ialah 200 mm^2 . Gelang ini dililitkan dengan gegelung sebanyak 200 pusingan dengan sekata. Dengan menganggap ketelapan ruang bebas sebagai $4\pi \times 10^{-7} \text{ H/m}$, kira nilai:

- (i) keengangan litar apabila daya gerak magnet (*magnetomotive force*) menghasilkan fluks sebanyak $140 \mu\text{Wb}$ dalam gelang.
- (ii) daya gerak magnet (*magnetomotive force*) yang diperlukan untuk menghasilkan fluks sebanyak $140 \mu\text{Wb}$ dalam gelang.
- (iii) arus yang perlu dialirkan melalui gegelung bagi menghasilkan fluks yang sama.
- (iv) fluks dalam sela udara sepanjang 1 mm yang dipotong merentasi gelang tersebut, sekiranya daya gerak magnet tidak berubah.
- (v) arus yang perlu ditambah bagi mengembalikan fluks kepada nilai asal sebanyak $140 \mu\text{Wb}$.

(20 markah)

- S3** (a) Diberi pembolehubah-pembolehubah di bawah ini, merujuk Rajah S3(a) bagi pengubah unggul berbeban, jelaskan hubungan semua pembolehubah dan lukiskan hubungan tersebut dalam satu rajah fasor.

$L(\theta_2)$ = Beban yang mempunyai faktor kuasa kos θ

V_1 = D.g.e. dari punca bekalan


E_1 = Voltan teraruh dalam primer

E_2 = Voltan teraruh dalam sekunder

I_1 = Arus primer

I_2 = Arus sekunder

(10 markah)



RAJAH S3(a)

- (b) Satu transformer satu-fasa mempunyai 1000 pusingan pada primernya dan 200 pusingan pada sekundernya. Arus tanpa bebannya ialah 3 A dengan faktor kuasa 0.2 menyusul. Kirakan arus primer dan faktor kuasa apabila arus sekunder ialah 280 A dengan faktor kuasa 0.8 menyusul. Abaikan kejatuhan voltan dalam lilitan-lilitan.

(10 markah)

SULIT


- S4** Lilitan primer dan sekunder bagi satu transformer 500 kVA mempunyai rintangan masing-masing, 0.42Ω dan 0.0011Ω . Voltan primer adalah 6,600 V dan voltan sekunder adalah 400 V, menakala kehilangan besi ialah 2.9 kW. Dengan menganggapkan bahawa faktor kuasa bagi beban ialah 0.8. Kirakan kecekapannya sewaktu,

- (a) beban penuh. (10 markah)
- (b) beban separuh dengan menganggapkan bahawa faktor kuasa bagi beban ialah 0.8. (10 markah)

- S5** (a) Satu bahan yang panjangnya 5 cm dan luas keratannya 120 cm^2 mempunyai ketelapan relatif $\mu_r = 2700$. Cari nilai keengganinan (*reluctance*) bagi bahan tersebut. (5 markah)

- (b) Bagi litar magnet dalam Rajah S5(b), panjang min (mean length) bagi laluan fluks ialah $l = 100 \text{ cm}$, diberi $\mu_r = 500$, $A = 10 \text{ cm}^2$, $N = 200$ pusingan dan panjang celah udara ialah 1 mm. Dengan menganggap $\mu_{\text{o}} = 4\pi \times 10^{-7} \text{ H/m}$,
- (i) hitung nilai keengganinan keseluruhan litar magnet.
 - (ii) hitung nilai fluks dalam celah udara apabila arus 7.95 A dialirkan melalui gegelung.

(15 markah)



RAJAH S5(b)

SULIT

S6 Suatu transformer 100 kVA mempunyai 400 pusingan pada primer dan 80 pusingan pada sekunder. Rintangan primer dan sekunder adalah masing-masing $0.3\ \Omega$ dan $0.01\ \Omega$ dan reaktans bocor yang sepadan baginya adalah $1.1\ \Omega$ dan $0.035\ \Omega$. Voltan bekalan ialah 2200 V. Kirakan,

- (a) impedans setara yang dirujukkan kepada litar primer,
(10 markah)
- (b) pengaturan voltan dan voltan terminal sekunder bagi beban-penuh yang mempunyai faktor kuasa 0.8 menyusul dan 0.8 mendahului.
(10 markah)

S7 Suatu elektromagnet mempunyai litar magnet yang boleh dianggap sebagai mengandungi tiga bahagian bersiri iaitu: (a) panjang 80 mm dan luas keratan rentas $60\ mm^2$; (b) panjang 70 mm dan luas keratan rentas $80\ mm^2$; (c) suatu sela udara panjang 0.5 mm dan luas keratan rentas $60\ mm^2$.

Bahagian (a) dan (b) adalah dari satu bahan yang mempunyai ciri-ciri yang diberi oleh jadual berikut:

H (AT/m)	100	210	340	500	800	1500
B (T)	0.2	0.4	0.6	0.8	1.0	1.2

Tentukan arus yang diperlukan dalam satu gegelung 4000 pusingan yang dililit ke atas bahagian (b) untuk menghasilkan ketumpatan fluks 0.7 T dalam sela udara itu. Anggapkan bocoran magnet boleh diabaikan.



(20 markah)

- SOALAN TAMAT -

SULIT**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER / SESI : SEM II / 2014/2015
NAMA KURSUS: KEELEKTROMAGNETAN

PROGRAM: BBE
KOD KURSUS: BBV 10102

GRAF KETELAPAN RELATIF (μ_r) MELAWAN KETUMPATAN FLUKS (B)

GRAF KETUMPATAN FLUKS (B) MELAWAN KEUATAN MEDAN MAGNET (H)